

## KERTAS KERJA

### MEMPERKASA UMMATAN WAHIDAH DI MALAYSIA : SATU TANGGUNJAWAB BERSAMA

Oleh: Abu Anas Madani (Ustaz Dr Abdul Basit Bin Abdul Rahman)

إن الحمد لله نحمده ونستعينه ونستغفره، ونعوذ بالله من شرور أنفسنا وسيئات أعمالنا، من يهده الله فلا مضل له، ومن يضلل فلا هادي له، وأشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له، وأشهد أن محمداً عبده ورسوله، صلى الله عليه وعلى آله وأصحابه ومن تبعهم بإحسان إلى يوم الدين وسلم تسليماً. أما بعد:

#### Muqaddimah :

Bersyukur kepada Allah s.w.t yang telah menghidupkan hati-hati kita dengan wahyu-Nya, menyelamatkan kita dari kejahilan, memberi hidayat dari kesesatan dan seterusnya menjadikan kita sebaik-baik ummah yang dilahirkan untuk faedah manusia, apabila kita beriman dengan wahyu yang didatangkan kepada kita dan kita mengamalkannya sebagaimana semestinya.

Perbahasan tentang tajuk ini merupakan suatu yang penting, semoga dengan perbincangan yang sebegini dapat membuka pemikiran masyarakat terhadap realiti umat yang banyak berkhilaf tetapi kurang mengambil kira dari segi adab, peraturan dan tuntuan untuk merealisasikan “Ummatan Wahidah”.

Allah Swt telah menjadikan ikhtilaf, iaitu perbezaan pendapat, citarasa, keinginan dan segalanya menjadi tabiat kehidupan dunia dan para penghuninya.

Kebanyakan umat manusia pada hari ini, termasuklah umat Islam sendiri berada dalam perselisihan pendapat yang besar lagi meluas, baik dalam hal aqidah, Syariah atau akhlak. Perselisihan adalah satu daripada bentuk 'fitnah' atau ujian Allah ke atas manusia. Meskipun manusia diberi akal fikiran untuk membuat pilihan berdasarkan ilmu dan panduan wahyu, namun perselisihan masih tetap berlaku.

Walaupun ikhtilaf itu satu *sunnah Rabbaniyyah* (ketentuan Tuhan Pencipta Alam), tetapi ia tetap satu perkara yang sukar diterima.

Ramai orang bertanya, sampai bilakah akan berlakunya ikhtilaf di kalangan ulama'? Bilakah ia akan berakhir? Bilakah umat Islam boleh bersatu?? Realitinya, khilaf itu akan berterusan selagi wujudnya manusia di muka bumi ini, tidak perlu lagi kita bermimpi untuk menjadikan manusia itu satu.

Firman Allah SWT :

﴿ وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ النَّاسَ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَا يَزَالُونَ مُخْتَلِفِينَ ، إِلَّا مَنْ رَحِمَ رَبُّكَ وَلِذَلِكَ خَلَقَهُمْ  
وَتَمَّتْ كَلِمَةَ رَبِّكَ لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ ﴾

Maksudnya : {Dan kalaulah Tuhanmu menghendaki, tentulah Dia menjadikan manusia umat yang satu (tetapi dia tidak berbuat demikian). Dan kerana itulah mereka terus menerus berselisih. Kecuali orang yang diberi rahmat oleh Tuhanmu, dan kerana itulah Dia menjadikan manusia. Dan dengan yang demikian sempurnalah janji Tuhanmu: Sesungguhnya Aku akan memenuhi neraka jahanam dengan sekalian jin dan manusia (yang derhaka)}. [Hud: 118-119]

Al-Imam Ibnu Kathir rhm berkata: “Perbezaan pendapat di kalangan manusia dalam perkara agama, iktikad, cara hidup, mazhab dan pandangan akan berterusan berlaku.”

Kata Ikrimah rhm: “Manusia adalah berbeza dalam menerima petunjuk hidayah Allah.”

Kata Al-Hasan al-Basri rhm: “Perbezaan juga berlaku dalam menerima rezeki, ada yang kaya memperoleh banyak rezeki, ada yang miskin, sedikit rezekinya.”

Ibnu Kathir memilih pendapat yang pertama sebagai tafsiran yang paling tepat untuk ayat di atas. Adapun maksud ayat: {Kecuali orang-orang yang diberi rahmat oleh Tuhanmu}; iaitu kecuali mereka yang diberi rahmat daripada kalangan pengikut rasul-rasul, iaitu mereka yang berpegang dengan seluruh ajaran yang diperintah oleh Allah dan Rasul-Nya.

Berkata Qatadah rmh: “Orang yang mendapat rahmat Allah itu ialah ahlul-jamaah, walaupun pun tempat dan kedudukan mereka berjauhan dan berbeza. Ahli maksiat pula ialah ahli firqah, iaitu kumpulan yang berpecah, walaupun tempat dan kedudukan mereka sama.” [Lihat Tafsir Ibnu Kathir, dalam menghuraikan ayat ini].

Ayat di atas memberi isyarat bahawa khilaf merupakan suatu ketentuan dan memang berlaku, maka dari sudut qadarnya satu realiti, tetapi dari sudut Syara' pula ada khilaf yang diterima dan ada yang ditolak.

عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنِ عَمْرٍو السُّلَمِيُّ وَحُجْرُ بْنُ حُجْرٍ قَالَا: (أَتَيْنَا الْعَرَبِيَّ بْنَ سَارِيَةَ - وَهُوَ مِمَّنْ نَزَلَ فِيهِ:

{وَلَا عَلَى الَّذِينَ إِذَا مَا اتَّوَكَّ لِتَحْمِلَهُمْ قُلْتَ لَا أُجِدُّ مَا أَحْمِلُكُمْ عَلَيْهِ} - فَسَلَّمْنَا وَقُلْنَا: أَتَيْنَاكَ زَائِرِينَ وَعَانِدِينَ وَمُعْتَبِسِينَ. فَقَالَ الْعَرَبِيُّ: صَلَّى بِنَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ ذَاتَ يَوْمٍ، ثُمَّ أَقْبَلَ عَلَيْنَا فَوَعظَنَا مَوْعِظَةً بَلِيغَةً، دَرَفَتْ مِنْهَا الْعُيُونُ، وَوَجِلَتْ مِنْهَا الْقُلُوبُ. فَقَالَ قَائِلٌ: يَا رَسُولَ اللَّهِ كَأَنَّ هَذِهِ مَوْعِظَةٌ مَوْدَعٍ، فَمَاذَا تَعْهَدُ إِلَيْنَا؟ فَقَالَ: ((أَوْصِيكُمْ بِتَقْوَى اللَّهِ وَالسَّمْعِ وَالطَّاعَةِ، وَإِنْ عَبْدًا حَبَشِيًّا؛ فَإِنَّهُ مَنْ يَعِشْ مِنْكُمْ بِعَدِي فَسَيَرَى اخْتِلَافًا كَثِيرًا، فَعَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الْمَهْدِيِّينَ الرَّاشِدِينَ، تَمَسَّكُوا بِهَا وَعَضُّوا عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِدِ. وَإِيَّاكُمْ وَمُحَدَّثَاتِ الْأُمُورِ؛ فَإِنَّ كُلَّ مُحَدَّثَةٍ بَدْعَةٌ، وَكُلُّ بَدْعَةٍ ضَلَالَةٌ)). رواه أحمد، وأبو داود، واللفظ له، والترمذي.

Abdul Rahman bin Amru as-Sulami dan Hujr bin Hujr telah meriwayatkan: “Kami berdua telah pergi bertemu dengan seorang sahabat yang bernama al-'Irbadh bin Sariyah ra. Beliau ialah seorang yang telah diturunkan ayat al-Quran ini kepadanya:

Maksudnya: {Dan tiada (pula) berdosa ke atas orang-orang yang apabila mereka datang kepadamu, supaya kamu memberi mereka kenderaan, lalu kamu berkata: "Aku tidak memperoleh kenderaan untuk membawamu".} [At-Taubah: 92].

Kami memberi salam kepadanya lalu berkata: “Kami datang untuk menziarahi tuan dan menimba ilmu”. 'Irbadh berkata: “Pada suatu hari, Rasulullah saw mengimami kami solat subuh, kemudian Baginda berpaling ke belakang menghadap kami seraya menasihati kami dengan nasihat yang sangat mendalam, begitu menusuk hati kami sehingga menitiskan airmata. Kami pun berkata: Wahai Rasulullah, nampaknya ini seperti nasihat perpisahan, maka berwasiatlah lagi kepada kami”. Lalu Baginda saw pun bersabda yang bermaksud:

*((Aku berwasiat kepada kamu agar bertakwa kepada Allah! Taat dan patuh (kepada pemimpin), walaupun pemimpin kamu itu seorang hamba abdi yang berkulit hitam! Sesiapa di antara kamu yang hidup selepas ketiadaanku, dia akan melihat banyak perselisihan. Maka hendaklah kamu berpegang teguh dengan Sunnahku dan sunnah Khulafa' Rashidin Mahdiyyin (yang mendapat petunjuk). Gigitlah ia (sekuat hati) dengan gigi geraham (iaitu berpeganglah dengan kuat) dan jauhilah perkara yang diada-adakan (dalam urusan agama) kerana ia adalah bid'ah sedangkan setiap bid'ah itu sesat.)) [HR Ahmad, Abu Daud, dan al-Tirmizi menyatakan ia Hasan Sahih].*

Kata al-Hafiz Ibnu Rajab rhm: "Hadis ini adalah perkhabaran yang dicerita oleh Rasulullah saw tentang perkara yang akan berlaku kepada umatnya selepas ketiadaan Baginda. Akan banyak berlaku ikhtilaf dalam perkara usul al-din dan cabangnya. Khilaf dalam perkataan, amalan dan kepercayaan (iktikad). Hadis ini bertepatan dengan hadis lain yang diriwayatkan bahawa umat ini akan berpecah kepada lebih daripada 70 kumpulan, semuanya dalam neraka kecuali satu kumpulan sahaja; iaitu mereka yang berada di atas landasan ajaran Rasulullah saw dan para sahabatnya.

{هو ما نحن عليه اليوم أنا وأصحابي}

Hadis ini juga memberi arahan apabila berlakunya perpecahan dan ikhtilaf, semua umat hendaklah berpegang dengan Sunnahnya dan sunnah khulafa' Ar-Rasyidin selepas darinya." [Jami' al-Ulum wa al-Hikam 2/120].

Hadis ini juga menunjukkan satu mukjizat ilmiah Rasulullah saw yang besar kerana ia menggambarkan suasana perselisihan yang akan berlaku kepada umat Islam disebabkan oleh sesetengah amalan yang mereka lakukan selepas kewafatan Baginda saw. Lalu, Baginda awal-awal lagi mengingatkan kepada sesiapa yang hidup pada zaman perselisihan itu supaya menghadapinya dengan cara berpegang teguh kepada sunnah dan menjauhi perkara bid'ah.

Apa yang diingatkan oleh Nabi saw itu benar-benar menjadi kenyataan apabila realiti sejarah membuktikan bahawa fitnah perselisihan yang berlaku di zaman sahabat dan generasi seterusnya adalah berpunca daripada keracunan pemikiran yang direka oleh puak yang menyeleweng seperti Syiah, Khawarij, Muktazilah dan sebagainya.

Akibatnya perpecahan semakin membesar dari masa ke semasa, bertambah buruk lagi dengan kedatangan penjajah kafir yang menguasai negara umat Islam dan meracuni pemikiran mereka dengan pelbagai ideologi dan isme-isme yang menjauhkan umat Islam daripada agamanya, sehingga mengakibatkan umat Islam menjadi mundur, lemah dan terjajah segala-galanya.

### **Kepentingan Kesatuan dan Jauhi Perpecahan**

Firman Allah swt :

*{Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain}. [At-Taubah:71]*

Dan firman-Nya : *"Sesungguhnya orang-orang beriman itu bersaudara". [Hujurat:10].*

Baginda Saw telah menjelaskan keadaan orang yang beriman dengan dibuat bandingan seperti jasad yang satu sebagaimana sabdanya saw :

*((Bandingan orang mukmin dalam berkasih sayang, bekerjasama seperti satu jasad, apabila ada anggota yang sakit, seluruh jasadnya merasa sakit, panas dan berjaga malam)). [HR Bukhari dan Muslim].*

[Sumber: Qawa'id al-Ta'amul ma'a al-Mukhalif. Dr. Hani Abdullah Al-Jubair - <http://islamtoday.net/bohooth/artshow-86-8287.htm>]

Terjemahan realisasi hadis ini dapat dilihat dalam kehidupan generasi terawal umat ini (*salaful ummah*). Telah diceritakan bahawa seorang lelaki itu apabila melihat saudaranya menangis dia turut menangis, kemudian setelah itu baru bertanya sebab sahabatnya itu menangis??

Ukhuwah yang berlandaskan iman adalah asas kepada akidah keimanan dan martabat tertinggi dalam Islam. Kerana itulah balasan bagi kasih sayang ini di dunia ialah kemanisan iman dalam hati yang mengatasi semua kelazatan lain. Di akhirat pula Allah swt akan meletakkannya di bawah bayangan Arasy.

Anas bin Malik ra meriwayatkan bahawa Rasulullah saw bersabda:  
*((Tiga perkara, jika terdapat di dalam diri seseorang maka dengan itulah dia akan memperoleh kemanisan iman; Seseorang yang mencintai Allah dan Rasul-Nya lebih daripada selain keduanya, mencintai seseorang hanya kerana Allah, tidak suka kembali kepada kekafiran setelah Allah menyelamatkannya dari kekafiran itu, sebagaimana dia juga tidak suka dicampakkan ke dalam Neraka)).* [HR Bukhari dan Muslim].

Rasulullah saw bersabda: *((Allah Swt berfirman pada hari kiamat: Di manakah golongan yang berkasih sayang kerana Aku? Hari ini Aku akan letakkan mereka di bawah bayangan, pada hari yang tiada bayangan teduh ini)).* [HR: Muslim]

Seorang ulama' berkata:

"Allah swt telah menjadikan hamba-hamba-Nya saling bantu-membantu di antara mereka, bersaudara, berkasih sayang dan menyuruh mereka supaya bersatu dan melarang daripada berpecah dan berikhtilaf. Jadi bagaimana boleh umat Muhammad saw ini berpecah sehingga seorang itu menyokong hanya satu golongan sahaja dan membenci semua golongan yang selain daripada itu dengan sangkaan (*zan*) semata-mata serta mengikut kehendak nafsu tanpa berdasarkan kepada dalil yang dibenarkan dari Allah swt". [Majmu' Fatawa: 3/419].

Siapa yang meneliti hukum-hakam Syara' akan mendapati banyak sekali dalil-dalil yang menunjukkan kepada kepentingan penyatuan dan ijtihak. Ia juga menolak perpecahan dan pergolakan, manusia semuanya bersatu dalam ibadat mereka seperti haji, solat dan puasa yang disyariatkan dalam satu waktu dan berakhir pada waktu yang sama juga. Bersatu dalam saf-saf dan susunan kaki ketika solat, Syariah juga menegah daripada lewat ke masjid sehingga terlepas solat berjamaah bersama imam. Jika diperhatikan dengan teliti beberapa pandangan ulama' secara praktikal dalam masalah ijtihad kita akan dapati hukum seumpamanya.

#### **Seruan kepada Ittifaq (kesatuan) bukan bermakna tidak boleh berikhtilaf.**

Perpecahan adalah satu ciri yang dicela dalam Syariah. Allah swt telah berfirman: *{Sesungguhnya orang-orang yang memecah-belah agama-Nya dan mereka menjadi berpuk-puak, tidak ada sedikit pun tanggung jawabmu kepada mereka}*. [Al-An'am: 159].

Firman-Nya lagi: *{Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai berai}*. [Aali-Imran:103].

Adapun ikhtilaf (perbezaan pendapat) adakalanya ianya adalah satu rahmat dan ahli-ahlinya diberi kemaafan. Sebagaimana seorang ulama' telah berkata: "Perbezaan pendapat dalam hukum-hakam adalah satu rahmat selagi tidak membawa kepada keburukan yang lebih besar; iaitu hilang hukum asalnya... Kerana hak atau kebenaran itu satu, mungkin setengah dari rahmat Allah ke atas sebahagian hamba-Nya tersembunyi hukum itu, kerana kalau nyata ianya akan menjadi suatu keberatan ke atas mereka." [Majmu' Fatawa 14/159]

Khilaf ini telah berlaku sepanjang sejarah, sejak dari zaman sahabat sehingga para tabi'in, tetapi tidaklah sampai membawa kepada perpecahan dan memburuk-burukkan di antara satu sama lain. Kerana itulah khilaf ini bukan sesuatu yang dicela pada asalnya.

Al-Imam al-Syatibi telah membawa beberapa contoh tentang khilaf di kalangan sahabat dalam perkara ijthadiyyah yang tidak ada nas qat'ie.

Beliau kemudian memberi komentar tentangnya: "Banyak lagi contoh-contoh khilaf itu, namun mereka semua adalah golongan yang berkasih-sayang, nasihat-menasihati, penuh dengan ukkhuwwah Islamiyyah sesama mereka. Apabila masuknya hawa nafsu dalam khilaf sebagaimana yang telah diberi peringatan/amaran oleh Rasulullah saw, maka timbullah permusuhan, berpuk-puk di kalangan sesama pengikut (seperti Syiah, Khawarij dan lain-lain). Ini menunjukkan semua ini terjadi kerana telah dihasut oleh syaitan melalui lidah dan tangan mereka." [Al-I'tisom: 2/231].

Perpecahan yang dimaksudkan itu ialah perpecahan dan hilangnya kesatuan ummah. Maka lumpuhlah gerakan Islam dan lemahnya kaum muslimin, musuh pula menguasai ke atas mereka dan perpecahan mula berlaku di kalangan ulama'-ulama', pemimpin-pemimpin dan para pembesar. Apabila berlakunya perpecahan dalam satu kaum, maka akan binasalah kaum itu, apabila mereka bersatu, bangsa itu akan kuat kerana al-Jamaah (persatuan) itu rahmat dan al-Furqah (perpecahan) itu azab. [Majmu' Fatawa: 3/421]

Adapun berkhilaf dalam perkara yang boleh berijtihad dan mengeluarkan pendapat maka tidak dicela sekiranya ianya tidak bercanggah dengan hukum yang qat'ie dari al-Quran, al-Sunnah dan ijma' (sepakat) *ulama' al-Ummah*. Samada dalam masalah yang berhubung dengan ilmu Islam, strategi dakwah atau rangka kerja secara umumnya.

Demi untuk menjaga perpaduan dan mengelakkan perpecahan adakalanya terpaksa melakukan sesuatu yang berlainan dengan sunnah Nabi saw sekiranya orang yang melakukannya mempunyai tafsiran terhadap nas/sunnah itu.

Contohnya, apa yang berlaku antara Abdullah bin Mas'ud dengan Khalifah Usman bin Affan r.anhuma, tatkala Sayyidina Usman melakukan solat (*tamam*) empat rakaat di Mina berbeza dengan amalan Rasulullah saw, Abu Bakar dan Umar ra, Ibnu Mas'ud mengucapkan keluhan: "*Innalillah wa inna ilaihi raji'uun*" serta berkata: "Aku bersolat bersama Rasulullah saw, Abu Bakar dan Umar di Mina dua rakaat (qasar yang empat), aku sangat mengharapkan empat rakaat ini menjadi dua rakaat yang diterima". Kemudian beliau turut sama melakukan solat empat rakaat bersama Usman. Selepas itu beliau ditanya: "Kamu mengeluh tentang Usman, sedangkan kamu turut bersolat *tamam* bersama dia?" Jawab Ibnu Mas'ud: "(Al-Khilafu Syar) Berkhilaf itu sesuatu yang tidak baik." [HR Abu Daud: 1960, sanadnya Sahih].

Sayyidina Usman menakwil amalan ini kerana beliau mempunyai rumah di Makkah, maka dia tidak lagi dikira sebagai seorang yang musafir yang boleh menqasar solatnya.

Syeikh Ibn al-Qayyim membuat kesimpulan dengan berkata: "Berlakunya ikhtilaf di kalangan manusia adalah sesuatu yang pasti. Ini kerana berbezanya kekuatan ilmu dan kefahaman mereka. Tetapi yang dicelanya ialah apabila satu golongan mencela dan memusuhi golongan lain yang berkhilaf dengannya. Sebaliknya jika khilaf yang tidak membawa kepada perpecahan, permusuhan bahkan bertujuan untuk mencari ketaatan Allah dan Rasul-Nya, khilaf tersebut tidak membawa mudharat kerana ia adalah satu benda yang tidak dapat dielakkan.

Tetapi apabila asas dan matlamat sesuatu masalah itu serta jalan pendekatan dan penyelesaiannya satu, mungkin tidak berlaku ikhtilaf. Jika berlakupun tidak akan memberi kesan buruk sebagaimana khilaf yang berlaku di kalangan sahabat. Ini kerana asas yang dibinanya satu, iaitu Kitab dan Sunnah, matlamat dan tujuannya satu iaitu mencari ketaatan Allah dan Rasul saw. Jalannya juga satu iaitu mengkaji dan meneliti kepada dalil-dalil daripada al-Quran dan Sunnah serta meletakkan dua asas tersebut melebihi segala yang lain seperti pandangan orang lain, qiyas, perasaan dan politik. [Al-Sowai'q al-Mursalah: 2/519].

[Sumber: Qawa'id al-Ta'amul ma'a al-Mukhalif. Dr. Hani Abdullah Al-Jubair - <http://islamtoday.net/bohooth/artshow-86-8287.htm>]

### **Insof dan Adil Dalam Berikhtilaf**

Untuk mencapai tahap kesatuan ummah (*ijtima' al-kalimah*), penyatuan saf (*wehdah al-sof*) dan permuafakatan (*ittifaq*, mestilah dicari jalan atau cara (*wasilah*) yang bersumberkan *nas-nas syara'* (Kitab dan Sunnah), amalan dan pelaksanaan serta mutiara kata para ulama' salaf yang terdahulu.

### **Antara kaedah yang digariskan ialah;**

**Pertama: Al-Insof** [الإِنصَاف] iaitu bersikap adil terhadap lawan atau orang yang tidak sependapat dengan kita.

Berbeza pandangan tidak sepatutnya membawa kepada fitnah-memfitnah, perpecahan atau perbalahan, kecuali apabila telah disertai oleh hawa nafsu yang emosional.

Firman Allah swt yang bermaksud: {Tidak berselisih orang-orang yang telah diberi al-Kitab kecuali sesudah datang pengetahuan kepada mereka, kerana kedengkian (yang ada) di antara mereka}. [Aal Imran: 19]

*Insof* adalah satu akhlak yang sangat mulia. Ia menjadikan seseorang itu meletakkan orang lain seperti dirinya sendiri, dari segi menyayangi, menghormati...

Ammar bin Yasir ra berkata: "Sesiapa yang dapat mengumpulnya tiga perkara ini maka dia telah mengumpulkan ciri-ciri keimanan dalam dirinya.

Pertama; Berlaku adil (*Insof*) terhadap diri sendiri (dengan melaksanakan hak-hak Allah dan hak-hak makhluk).

Kedua; Menyampaikan salam kepada alam seluruhnya (kepada orang yang dikenali dan yang tidak dikenali).

Ketiga; Memberi nafkah sedangkan dia sendiri berhajat kepadanya." [HR al-Bukhari, *Ta'liqan*].

Allah swt telah mengarahkan agar kita tidak menjadikan orang kafir itu sebagai pemimpin atau kawan rapat, namun Allah tetap memerintahkan agar kita bersifat adil terhadap mereka sebagaimana firman-Nya yang bermaksud:

{Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, kerana adil itu lebih dekat kepada takwa}. [Al-Maidah: 8].

Kata ulama': "Ayat ini diturunkan kerana kebencian para sahabat terhadap orang kafir dan kebencian itu memang disuruh; tetapi walaupun ia menjadi suruhan, Allah swt juga melarang hamba-Nya daripada melakukan kezaliman terhadap orang yang dibencinya itu. Apatah lagi kebencian sesama muslim dengan sebab mentakwil perkataannya atau kesamaran dalam kata-katanya atau semata-mata kerana hawa nafsu; maka orang muslim itu tentulah lebih berhak untuk tidak dizalimi dan dicabul hak-haknya!" [Minhaj al-Sunnah al-Nabawiyah 5/127].

Apabila seseorang itu berlaku adil, maka dia akan menilai kadar kesalahan orang lain dengan tidak melebihi had yang sepatutnya. Dia juga tidak akan melupai kebaikan-kebaikan yang telah dilakukan oleh insan tersebut sebelum ini. Dia juga akan menimbangkan sebab-sebab kenapa perkara (kesalahan) itu berlaku.

Sebagai contoh kisah seorang sahabat, Hatib bin Abi Balta'ah ra yang telah menghantar surat kepada penduduk Makkah memberitahu bahawa Rasulullah saw akan masuk ke Makkah pada tahun itu. Apabila surat itu berjaya dirampas, Rasulullah saw menyoal siasatnya, beliau menyatakan alasan-alasan atas perbuatannya itu. Rasulullah saw boleh menerima keuzurannya lalu Baginda dan para sahabat yang lain tidak menjatuhkan hukuman ke atasnya memandangkan kerana beliau juga adalah ahli yang telah menyertai peperangan Badar yang agung itu. [HR al-Bukhari: 3007]

Berkata Ibn al-Qayyim: "Antara kaedah Syara' dan hikmahnya, orang yang banyak kebajikannya, besar peranannya, jelas sumbangannya kepada Islam secara zahirnya, maka kesalahannya (yang kecil-kecil) hendaklah dimaafkan. Tetapi tidak bagi orang lain yang tidak setaraf dengannya! Ini kerana maksiat itu kotor dan air itu apabila sudah mencapai dua kolah tidak lagi mengandungi najis...

Keadaan ini adalah perkara yang sudah difahami secara umum oleh manusia bahawa orang yang beribu-ribu kebajikannya, dimaafkan kesalahannya yang sedikit." [Miftah Dar al-Saadah: 1/177].

Demikianlah jika seorang alim, pendakwah atau pemimpin yang tidak melaksanakan hukum-hukum Syariah kerana keuzuran atau kelemahan (alasan yang boleh diterima), jadi mereka yang berlaku adil boleh menerima dan memaafkan kesilapan dan kelemahannya itu.

Contohnya, dalam masyarakat kita hari ini terdapat ramai para imam, ustaz yang komited dalam tugas dakwah dan ibadah mereka, tetapi masih lagi merokok, menonton, mendengar lagu/muzik dan yang seumpamanya sehinggakan terdapat jemaah yang hilang kepercayaan dan tidak mahu lagi mengikut mereka. Maka secara insofnya, kita hendaklah mengambil kira kebaikan yang mereka buat dan menolak kesilapan-kesilapan sedikit yang mereka lakukan.

Untuk mendapat gambaran bagaimanakah cara untuk mengambil kira keadaan seseorang, perhatikanlah hadis Rasulullah saw ini:

Maksudnya: ((Seorang lelaki yang telah kehilangan tunggangannya di tengah padang pasir bersama segala bekalan makanan dan kelengkapannya dan dia telah meyakini bahawa dia akan mati kelaparan di situ. Tiba-tiba, tunggangannya tadi kembali semula kepadanya, maka dia pun berkata: "Ya Allah, Engkaulah hambaku dan akulah Tuhanmu." Beliau telah tersalah cakap kerana terlalu gembira.)) [Muttafaqun alaih].

Lelaki itu tidak dikira kesalahannya, kerana diambil kira keadaannya ketika mengucapkan kata-kata tersebut.

Berkeras di tempat lembut, bodoh.  
Belentut di tempat keras, lemah.

## **Kedua : Mengambil kira Kemaslahatan dan Kerosakan**

Antara kaedah Syariah ialah mengambil kerosakan yang lebih kecil untuk menolak kerosakan yang lebih besar. Contohnya:

- 1) Sewaktu Rasulullah saw berada di Makkah, terdapat banyak kemungkaran dan berhalal-berhala, tetapi Baginda tidak melakukan sebarang tindakan untuk menghapus atau meruntuhkannya. Ini adalah untuk masalah yang lebih besar, iaitu mengembang dan mengukuhkan dakwah Islam terlebih dahulu.
- 2) Sewaktu di Madinah pula, Rasulullah saw telah dapat mengenal pasti golongan munafik yang banyak menimbulkan kekacauan dan fitnah. Tetapi Baginda tidak pula terus menjatuhkan hukuman bunuh terhadap mereka, kerana tidak mahu orang mengatakan bahawa Rasulullah telah membunuh para sahabat yang pada zahirnya beriman, sedangkan mereka tidak mengetahui hakikatnya.

Dalam menghadapi orang yang berbeza pandangan, kaedah ini hendaklah diamalkan. Jangan sekali-sekali memberi komen, ulasan terhadap pandangan seseorang yang berbeza pendapatnya, jika ianya boleh memberi kesan negatif yang lebih teruk.

Allah swt juga telah melarang orang muslim daripada mencerca dan menghina tuhan orang kafir. Ini untuk mengelakkan kerosakan yang lebih besar daripada masalah menghina tuhan itu, seperti dia mungkin akan mencerca balik Tuhan kita dan sebagainya.

Firman Allah swt yang bermaksud: *{Dan janganlah kamu memaki sembah-an-sembah-an yang mereka sembah selain Allah, kerana mereka nanti akan memaki Allah dengan melampaui batas tanpa pengetahuan}*. [Al-An'am: 108].

Sesungguhnya Nabi saw telah mensyariatkan kepada umatnya agar mengingkari kemungkaran supaya manusia dapat melakukan amalan yang diredhai oleh Allah dan Rasul-Nya. Tetapi apabila mengingkari kemungkaran itu boleh membawa kepada kemungkaran yang lebih besar dan membawa kepada kemurkaan Allah dan Rasul-Nya, maka untuk menjaga masalah benda itu tidak boleh diingkari. [I'lam al-Muwaqqi'in: 3/4].

Contoh yang nyata dalam bab ini ialah apabila Rasulullah saw tidak meruntuhkan Ka'bah yang dibina oleh kaum Quraisy, walaupun ianya tidak mengikut binaan asal yang dibina oleh Nabi Ibrahim as.

Adalah tidak mungkin untuk menilai baik buruk dan hakikat sebenar sesuatu perkara itu, kecuali mereka yang berada ditempatnya (atau berkecimpung secara terus di dalam bidang tersebut). Pandangan dari luar sahaja tidak akan mendapat gambaran yang sebenarnya.

Contohnya seperti apa yang berlaku di Palestin, dalam kerja-kerja dakwah dan jihad di sana, pastilah ulama' mereka yang lebih arif tentang masalahnya. Begitu juga dengan keadaan kita di sini, situasi semasa dan tempat itu mesti dikenal pasti dan diambil kira.

Menilai baik buruk sesuatu atau seseorang itu mestilah mengambil kira situasi tempat dan zaman hidupnya. Apakah kata-kata, pandangannya itu terikut dengan pandangan yang rosak pada zaman itu (tersasar atau lari daripada kebenaran), semata-mata untuk menolak keburukan yang akan menimpa ke atasnya. Apakah pandangannya itu boleh difahami berdasarkan masalah keadaan atau memang itulah pegangannya yang sebenar.



Contohnya terdapat sebahagian pendakwah yang terpaksa mengikut / mengeluarkan fatwa mengikut kehendak pemerintah pada waktunya semata-mata untuk menyelamatkan dirinya daripada tekanan ataupun *Mehnah* (tribulasi) ke atas orang yang tidak mengikutnya.

Namun bertegas di atas kebenaran, sanggup menghadapi cabaran dalam perjuangan menegakkan kebenaran adalah yang terbaik, sebagaimana contoh agung yang ditunjukkan oleh Sultan Ulama', Izzuddin bin Abdul Salam, di Damsyik dan Mesir pada zamannya.

### **Ketiga: Memahami atau Mengetahui Bahasa Orang yang Bercakap dan Hakikat Sebenar Pandangannya.**

Apabila tidak mengetahui hakikat sebenar kata-kata orang lain atau maksud istilah yang digunakan, maka seorang penilai akan membuat huraian berdasarkan kepada fahamannya, bukan maksud sebenar yang diingini oleh orang itu.

Kerana itulah Ibnu Taimiyah berkata: "Ramai di kalangan orang yang menukikan pandangan orang lain, bukan bermaksud berdusta kepada tuan asalnya, tetapi dia tidak memahami maksud sebenar, dia pula tidak membawa nas asal ucapan tersebut, cuma huraian dan pandangannya sendiri sahaja." [Al-Fatawa: 6/303].

Imam al-Subki berkata: "Aku melihat ramai orang yang mendengar orang bercakap, tetapi dia memahaminya secara lain, maka dia telah mengubah maksud sebenar tuan asal itu dan pengikutnya." [Qaedah Fi al-Jarh wa al-Ta'dil: 93].

Dalam bab perbincangan ini, mungkin dapat difahami daripada apa yang dinukilkan oleh Imam Ahmad rh: "Kami sentiasa melaknat *ahlu al-Ra'yi* (golongan yang berpegang dengan qiyas) dan mereka juga sentiasa melaknat kami (golongan yang berpegang dengan dalil). Seinggalah datangnya Imam al-Syafei dengan kaedah Usul Fiqh-nya yang telah mengeluarkan kami daripada perpecahan dan perbezaan."

Demikianlah realiti dunia hari ini, begitu mudah masyarakat membuat tuduhan, menafsirkan pandangan dan pegangan seseorang, tanpa merujuk kepada tuannya sendiri. Bahkan terdapat sebahagiannya yang mempunyai kepakaran menafsir hati orang lain, maka berlakulah tuduhan dan fitnah.

[Sumber: Qawa'id al-Ta'amul ma'a al-Mukhalif. Dr. Hani Abdullah Al-Jubair - <http://islamtoday.net/bohooth/artshow-86-8287.htm>]

### **Kepastian Dan Penjelasan**

Allah Swt yang telah mengarahkan hamba-Nya agar sentiasa bertathabbut (mencari kepastian) dan bertabayyun (meminta penjelasan) serta berhati-hati dalam membuat keputusan atau melemparkan tuduhan. Ini kerana bersifat gopoh akan mengundang padah yang tidak sedikit kesan dan bahayanya; ia akan membawa kepada kesalahan dan keterpesongan dari segenap segi.

Firman Allah swt : {Wahai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang *fasik* membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti agar kamu tidak menimpakan suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya; yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu itu} [Surah Al-Hujurat: 6].

Al-Imam Ibnu Kathir berkata: "Allah swt mengarahkan agar berhati-hati menerima khabar berita yang dibawa oleh orang fasik untuk mengelak daripada terpedaya dengan percakapannya, agar tidak menjatuhkan hukum berpandukan laporan tersebut, sedangkan boleh jadi dia berdusta. Maka menjatuhkan hukuman dengan maklumat itu telah menjadikan kita mengikut kesalahannya, sedangkan Allah swt telah menegah dari mengikut jalan orang yang *mufsidin*."

Berkata Syeikh Abdul Rahman as-Sa'adi: "Dari ayat ini juga kita dapati pengajaran tentang adab-adab bagi *Ulul-Albab* (orang yang berilmu), mereka mengamalkan sifat berhati-hati dan teliti. Apabila tiba kepada mereka khabar daripada orang yang fasik, satu berita yang meragukan, mereka tidak terus mengambilnya bulat-bulat, kerana ia boleh mengundang bahaya besar yang membawa kepada dosa.

Jika khabar itu dijadikan satu sandaran atau dalil dalam menghukum tanpa asas, seolah-olah ia suatu khabar yang benar, maka ia akan membawa kerosakan dan kefasadan dalam segenap sudut, jiwa, harta, ukkhuwah, maruah, peribadi dan segalanya".

Bahkan, bagi setiap berita/cerita yang kita dengar, wajib kita meminta pengesahan daripada tuan haknya jika dia masih hidup. Jika tuannya sudah tiada lagi (seperti pengarang-pengarang kitab lama) mestilah kita mencari orang yang dekat dengannya, yang memahami pemikirannya dan apa yang dimaksudkannya itu, bukan dengan bertanya atau meminta pendapat daripada lawan atau seteru yang memang kita ketahui memusuhi dan membencinya! Kalau tidak nescaya kita akan menjatuhkan hukuman ke atas mereka secara zalim dan jauh dari keadilan (insaf).

Mendapatkan kepastian dalam setiap perkara mempunyai faedah yang banyak dan dapat mengelakkan kejahatan yang besar. Dengan sifat ini seseorang itu dapat dikenali taraf/kedudukan agamanya, akalunya dan kecerdikannya. Ini berbeza dengan sikap gopoh dalam sesuatu tindakan, kerana ianya akan membawa kepada tindakan yang tidak sepatutnya. Sebagaimana berlaku kepada golongan yang telah ditegur oleh Allah dalam ayat di atas."

Maksud "*at-Tabayyun*" (meminta penjelasan) ialah: Mengetahui, memahami, tidak gopoh sehingga benar-benar mengetahui dan jelas keadaannya. Ini boleh berlaku dalam dua kategori; "*An-Naqli*" orang yang memindahkan maklumat dan "*al-Manqul*" maklumat yang disampaikan.

Adapun tentang "*an-Naqli*" adalah dengan meneliti kebenaran orang yang membawa berita dan dia adalah selamat daripada sifat-sifat yang tidak baik, kerana itulah Rasulullah SAW bersabda: "Sejahtahat-tunggangan (alat yang menyampaikan kehendak) seseorang itu ialah perkataan "*za'amu*-*زعموا*" (agak-agak, sangkaan)" [HR Imam Ahmad: 17075, Abu Daud: 4972 "Sahih"]

Menurut Ibnu Battol: Maksud hadis ini ialah mereka yang banyak berkata dengan perkara yang tidak dipastikan kebenarannya dan tidak terjamin ianya tidak berdusta". [Fath Al-Bari]

Al-Khattobi pula menyatakan: "Perkataan ini digunakan untuk hadis yang tidak ada sanad dan tidak dipastikan kesahihannya, ianya semata-mata diceritakan melalui lidah secara dengar-dengar cakap orang". [Ma'alim al-Sunan 4/130]

Ibnu Taimiyah berkata: "Sesiapa yang ingin memetik kata-kata atau pendapat seseorang atau kumpulan tertentu, hendaklah dia menamakan orang yang berkata serta orang yang memindahkan cakupannya, jika tidak semua orang boleh berbuat dusta" [Minhaj al-Sunnah: 2/413]

Demikianlah ajaran Islam sangat jelas dan terperinci dalam perkara yang amat sensitif dan halus ini. Malangnya apa yang berlaku sekarang ialah percakapan kita banyak menggunakan andaian, agakan, telahan, atau menggunakan bahasa yang boleh menyelamatkan diri daripada tindakan / tanggung-jawab seperti; "Saya difahamkan", menurut kajian rambang, atau analisa secara umum dan lain-lain istilah yang cuba menghalalkan perbuatan yang dicela oleh Syarak ini.

